

**Media:** Berita Harian (Print)

**Date:** 28 July 2022

**Headline:** Inisiatif baru bantu bekas pesalah jalani ujian, rawatan hepatitis C

**Page:** 5

SINGAPURA

# BeritaHarian

## Inisiatif baru bantu bekas pesalah jalani ujian, rawatan hepatitis C

► NATASHA MUSTAFA

nmustafa@ph.com.sg

DUA program penghapusan virus Hepatitis C (HCV) baru dilancarkan semalam dalam usaha menguji, mendidik dan merawat kumpulan bekas pesalah di Singapura.

Dilancarkan oleh Perbadanan Masayarakat HCSA (HCSA) dan Hospital Tan Tock Seng, Program "The Educate, 'Test', Treat! (ETT)" dan End-C itu merupakan inisiatif tempatan pertama yang memberi tumpuan pada kumpulan berisiko tinggi virus HCV.

"Antaranya ialah bekas pesalah dadah, banduan yang baru dibebaskan, dan mereka yang pulih daripada ketagihan yang mempunyai risiko dijirangkiti penyakit itu kerana sejauh menggunakan peralatan tersebut untuk dadah."

Program ETT ialah projek geran yang disokong oleh Gilead Sciences, sebuah syarikat bioteknologi Amerika.

Berakap semasa pelancaran inisiatif itu, Menteri Negara (Ehwal Dalam Negeri merangkap Pembangunan Negara), Profesor Madya Dr Muhammad Faishal Ibrahim, berkata program itu merupakan bukti bagaimana pertubuhan berlajuan dapat bekerjasama untuk menyokong banduan dan bekas pesalah dalam perjalanan penyepaduan semula mereka.

"Matlamat inisiatif ini ialah menyediakan akses kepada perkhidmatan perubahan alih kepada masyarakat tentang HCV, akses dan kebolehan untuk dijuj serta dirawat untuk HCV."

"Pada masa sama, kami juga ingin memberi mereka sokongan sosial daripada masyarakat untuk memastikan mereka menceruskannya perjalanan pemulihian."

"Ini akan memberi mereka peluang mencapai mutu hidup lebih baik dan dapat membantu mereka dalam perjalanan penyepaduan semula mereka," tajarnya.

Di samping program ETT, TTSH



**INISIATIF BARU:** Dr Faishal Ibrahim (tengah) bersama kakitangan daripada HCSA, TTSH dan Gilead di pelancaran program Educate, Test, Treat! semalam. — Foto BH oleh KEVIN LIM

sedang menjalankan kajian selama satu tahun dengan peserta HCSA untuk mengeasahkan kebolehpercayaan dan kemudahan ujian titik penjagaan (POCT) invasi minimum.

POCT itu akan memberikan keputusan kuedah yang lebih mudah dan boleh diales menggunakan sedikit darah di hujung jari untuk ujian sampel dan air firu.

Menurut Dr Yew Kuo Chao, Pejabat Kanan, Gastroenterologi dan Hepatologi Klinikal, TTSH,

ujian POCT merupakan usaha untuk mengurangkan halangan menguji.

"Biasanya jika seseorang ingin melakukan ujian, mereka harus ke hospital, mengambil darah untuk mendapatkan keputusan."

"Sekiranya ujian ini berkesan dan dapat digunakan, kita dapat menjalau lebih ramai orang untuk melakukan ujian sendiri dan mendapatkan keputusannya dengan lebih cepat," kata Dr Yew.

Dengan menggunakan ujian

POCT, pengguna kit ujian itu dapat menerima keputusan ujian dalam hanya 40 minit.

Pada hari Minggu Mac lalu, 65 peserta daripada Rumah Peralihan High-point HCSA telah mengambil bahagian dalam program ETT.

Sekiranya dijiuji positif, peserta boleh dirujuk ke TTSH untuk menerima subsidi rawatan di bawah program End-C.

Peserta juga akan menerima sokongan sosial daripada rakan kawan HCSA – dengan tetap dipang-

gil Rangkaian FriEnd-C – untuk menggalakkan dan menemani peserta semasa mereka menyelesaikan rawatan dan perjalanan mereka.

Rawatan ini dijangka berlajutan antara lapan dengan 24 minggu.

Mengikut 2023, HCSA merancang melancarkan inisiatif ini bagi rumah peralihan lain di sini dan merekrut 210 orang secara keseluruhan untuk kajian ini.

Mengalui alih inisiatif itu, seorang ahli jawatankuasa alumnii HCSA, Encik Harrison M. Azahari, 50

tahun, berfaikan ini memberi peluang bagi bekas pesalah dan pengguna dadah untuk mencari bantuan.

Dilancarkan pada awal tahun lalu, bekas pengidup HCV 10 tahun lalu, Dr Muhammad Faishal Ibrahim, Menteri Negara (Ehwal Dalam Negeri merangkap Pembangunan Negara), berkata: "Hepatitis C ini mempunyai stigma tidak baik. Apabila orang mendengar tentangnya, ramai yang fikiran ia adalah kukuman mati."

"Sekarang dengan rawatan bersubsidi yang diwarkan, saya kini mempunyai harapan untuk terus hidup sekali lagi."

tahun, berfaikan ini memberi peluang bagi bekas pesalah dan pengguna dadah untuk mencari bantuan.

Dilancarkan pada awal tahun lalu, bekas pengidup HCV 10

tahun lalu, Dr Muhammad Faishal Ibrahim, Menteri Negara (Ehwal Dalam Negeri merangkap Pembangunan Negara), berkata: "Hepatitis C ini mempunyai stigma tidak baik. Apabila orang mendengar tentangnya, ramai yang fikiran ia adalah kukuman mati."

"Sekarang dengan rawatan ber-

subsidi yang diwarkan, saya kini

mempunyai harapan untuk terus

hidup sekali lagi."

**Media:** Berita Harian (Online)

**Date:** 28 July 2022

**Headline:** Inisiatif baru bantu bekas pesalah jalani ujian, rawatan hepatitis C

**Page:** NA

SINGAPURA

# BeritaHarian

## Inisiatif baru bantu bekas pesalah jalani ujian, rawatan hepatitis C

Program 'The Educate, Test, Treat!' (ETT) dan End-C inisiatif tempatan pertama tumpu pada kumpulan berisiko tinggi virus HCV



INISIATIF BARU: Dr Faishal Ibrahim (tengah) bersama kakitangan daripada HCSA, TTSH dan Gilead di pelancaran program Educate, Test, Treat! semalam. - Foto BH oleh KEVIN LIM

DUA program penghapusan virus Hepatitis C (HCV) baru dilancarkan semalam dalam usaha menguji, mendidik dan merawat kumpulan bekas pesalah di Singapura.

Dilancarkan oleh Perkhidmatan Masyarakat HCSA (HCSA) dan Hospital Tan Tock Seng, Program 'The Educate, Test, Treat!' (ETT) dan End-C itu merupakan inisiatif tempatan pertama yang memberi tumpuan pada kumpulan berisiko tinggi virus HCV.

Antaranya ialah bekas pesalah dadah, banduan yang baru dibebaskan, dan mereka yang pulih daripada ketagihan, yang menunjukkan risiko dijangkiti penyakit itu kerana sejarah menggunakan peralatan tercemar untuk dadah.

Program ETT ialah projek geran yang disokong oleh Gilead Sciences, sebuah syarikat biofarmaseutikal.

Bercakap semasa pelancaran inisiatif itu, Menteri Negara (Ehwaj Dalam Negeri merangkap Pembangunan Negara), Profesor Madya Dr Muhammad Faishal Ibrahim, berkata program itu merupakan bukti bagaimana pertubuhan berlainan dapat bekerjasama untuk menyokong banduan dan bekas pesalah dalam perjalanan penyepaduan semula mereka.

"Matlamat inisiatif ini ialah menyediakan peserta daripada pelbagai rumah peralihan akses kepada maklumat berguna tentang HCV, akses dan kebolehan untuk diuji serta dirawat untuk HCV.

"Pada masa sama, kami juga ingin memberi mereka sokongan sosial daripada masyarakat untuk memastikan mereka meneruskannya perjalanan pemulihian.

"Ini akan memberi mereka peluang mencapai mutu hidup lebih baik dan dapat membantu mereka dalam perjalanan penyepaduan semula mereka," ujarnya.

Di samping program ETT, TTSH sedang menjalankan kajian selama satu tahun dengan peserta HCSA untuk mengesahkan kebolehpercayaan dan kemudahan ujian titik penjagaan (POCT) invasif minimum.

POCT itu akan memberikan kemungkinan kaedah yang lebih mudah dan boleh diakses menggunakan sedikit darah di hujung jari untuk ujian sampel dan air liur.

Menurut Dr Yew Kuo Chao, Perunding Kanan, Gastroenterologi dan Hepatologi Klinikal, TTSH, ujian POCT merupakan usaha untuk mengurangkan halangan menguji.

"Biasanya jika seseorang ingin melakukan ujian, mereka harus ke hospital, mengambil darah untuk mendapatkan keputusan.

"Sekiranya ujian ini berkesan dan dapat digunakan, kita dapat menjangkau lebih ramai orang untuk melakukan ujian sendiri dan mendapatkan keputusannya dengan lebih cepat," kata Dr Yew.

Dengan menggunakan ujian POCT, pengguna kit ujian itu dapat menerima keputusan ujian dalam hanya 40 minit.

Sejak hujung Mac lalu, 65 peserta daripada Rumah Peralihan Highpoint HCSA telah mengambil bahagian dalam program ETT.

Sekiranya diuji positif, peserta boleh dirujuk ke TTSH untuk menerima subsidi rawatan di bawah program End-C.

Peserta juga akan menerima sokongan sosial daripada rangkaian kawan HCSA - dengan tepat dipanggil Rangkaian FriEnd-C - untuk menggalak dan menemani peserta semasa mereka menyelesaikan rawatan mereka.

Rawatan ini dijangka berlanjutan antara lapan dengan 24 minggu.

Menjelang 2023, HCSA merancang melancarkan inisiatif ini bagi rumah peralihan lain di sini dan merekrut 210 orang secara keseluruhan untuk kajian ini.

Mengalau-alukan inisiatif itu, seorang ahli jawatankuasa alumni HCSA, Encik Harrison M. Azahari, 50 tahun, berkata ini memberi peluang bagi bekas pesalah dan pengguna dadah mencari bantuan.

Didiagnosis menghidap HCV 10 tahun lalu, bekas penagih dadah itu berkata: "Hepatitis C ini mempunyai stigma tidak baik. Apabila orang mendengar tentangnya, ramai yang fikirkan ia adalah hukuman mati.

"Sekarang dengan rawatan bersubsidi yang ditawarkan, saya kini mempunyai harapan untuk terus hidup sekali lagi."

**"Matlamat inisiatif ini ialah menyediakan peserta daripada pelbagai rumah peralihan akses kepada maklumat berguna tentang HCV (Hepatitis C), akses dan kebolehan untuk diuji serta dirawat untuk HCV. Pada masa sama, kami juga ingin memberi mereka sokongan sosial daripada masyarakat untuk memastikan mereka meneruskannya perjalanan pemulihan. Ini akan memberi mereka peluang mencapai mutu hidup lebih baik dan dapat membantu mereka dalam perjalanan penyepaduan semula mereka."**

- Profesor Madya Dr Muhammad Faishal Ibrahim, Menteri Negara (Ehwal Dalam Negeri merangkap Pembangunan Negara),